

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]

SOALAN NO. 284

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan konkrit bagi menghapuskan diskriminasi berbentuk jantina, kaum dan agama dalam sektor pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan saranan daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa melalui *Discrimination (Employment and Occupation) Convention No. 111* (1998), Kementerian Sumber Manusia dalam tindakan menyemak peruntukan undang-undang pekerjaan iaitu khusus berkaitan larangan diskriminasi dalam pekerjaan dimasukkan dalam cadangan pindaan Akta Kerja 1955.
2. Cadangan tersebut juga merangkumi definisi diskriminasi berasaskan jantina, agama, bangsa, ketidakupayaan, status perkahwinan, kehamilan dan bahasa. Selain itu, diskriminasi yang melibatkan terma dan syarat pekerjaan dalam suatu kontrak perkhidmatan turut di larang.

SOALAN NO: 284

3. Bagi pekerja-pekerja yang berkesatuan, isu-isu mengenai elemen diskriminasi seperti tawaran gaji, kadar gaji dan upah, bonus, persekitaran kerja, peluang kenaikan pangkat, insentif kerja seperti kewangan, perubatan dan lokasi tempat kerja tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan di dalam suatu kontrak perkhidmatan yang dipersetujui antara pencari kerja dan majikan. Sehubungan itu, Perundingan boleh dijalankan antara majikan dan pekerja dan semakan semula terma dan syarat Perjanjian Bersama (*Collective Agreement*) dengan pihak majikan boleh diadakan.

4. Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja menerima aduan-aduan yang dilaporkan boleh dijadikan sebagai asas untuk jabatan memulakan siasatan berhubung isu diskriminasi sekiranya terdapat amalan diskriminasi di tempat kerja, aduan juga boleh dirujuk untuk kes pertikaian perusahaan di bawah Seksyen 18, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Sekiranya terdapat kes-kes yang melibatkan penamatan pekerja oleh majikan berbangkit dari elemen diskriminasi, pekerja juga boleh menfailkan representasi di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan bagi pemulihan pekerjaan sekiranya tidakan majikan dianggap tidak adil dan tidak munasabah .